



بجلیس دائرہ گرک MAJLIS DAERAH GERIK

Jalan Haji Meor Yahaya, 33300 Gerik, Perak
Tel : 05-7912305, 05-7911686 Faks : 05-7912288 E-mel : mdg@gerik.gov.my
Portal rasmi: www.gerik.gov.my

Ruj. Fail : Bil. (1) dlm M.D.Gk.(JPPH)4/2026
Tarikh : 17 Ogos 2026

NOTIS SEBUTHARGA BIL 4/2026 PERKHIDMATAN MENCUCI BANGUNAN DAN PEMBERSIHAN KAWASAN SEKITAR DI HENTIAN ROYAL BELUM AMANJAYA, PULAU BANDING MAJLIS DAERAH GERIK, PERAK DARUL RIDZUAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada penyebut harga tempatan dan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **bidang 221001 – Pembersihan Bangunan Dan Pejabat Dan 221002 – Membersih Kawasan** yang masih berkuatkuasa bagi sebutharga seperti tersebut di atas.

Tajuk Sebutharga	Kod Bidang	No. Sebutharga	Tarikh Jualan	Tarikh Tutup
Sebutharga Bagi Perkhidmatan Mencuci Bangunan & Pembersihan Kawasan Sekitar Di Hentian Royal Belum Amanjaya Pulau Banding Majlis Daerah Gerik, Perak Darul Ridzuan	221001- Pembersihan Bangunan dan Pejabat & 221002 – Membersih Kawasan	M.D.Gk (JPPH) 4/2026	Mulai 24 Ogos 2026 (Isnin) selepas taklimat hingga 1 September 2026 (selasa) Jam 9.00 pagi – 4.00 petang	1 September 2026 (Selasa) sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari

2. Diwajibkan menghadiri taklimat pada 24 Ogos 2026 (Isnin) jam 9.30 pagi – 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat Utama tingkat atas, Majlis Daerah Gerik. Hanya penama dalam daftar sijil SSM dan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia sahaja. Wakil tidak dibenarkan.
3. Borang sebutharga akan dikeluarkan kepada kontraktor pembersihan yang sah sahaja. Kontraktor pembersihan hendaklah membawa **Dokumen Asal Pendaftaran Kontraktor dari Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Taraf Bumiputera dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC)**.
4. Semasa pendaftaran, penyebut harga perlu mengemukakan **SALINAN ASAL** dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) seperti berikut :-
 - 4.1 Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dari Kementerian Kewangan Malaysia; dan
 - 4.2 Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia
 - 4.3 Sijil Asal Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - 4.4 Sijil Pematuhan Cukai (TCC)
5. Segala butiran kerja serta borang sebutharga boleh dibeli semasa waktu pejabat di **Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Majlis Daerah Gerik** mulai dari tarikh **24 Ogos 2026** dengan bayaran sebanyak RM20.00 senaskah.


NOTIS KERJA SEBUTHARGA BIL 4/2026
PERKHIDMATAN MENCUCI BANGUNAN DAN PEMBERSIHAN KAWASAN SEKITAR
DI HENTIAN ROYAL BELUM AMANJAYA, PULAU BANDING
MAJLIS DAERAH GERIK, PERAK DARUL RIDZUAN

6. Borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Daerah Gerik ini sebelum atau pada **jam 12.00 tengahari pada 1 September 2026 (selasa)**.
7. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan kesalahan jenayah di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.
8. Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa rasuah, suapan kepada mana-mana Anggota Pentadbiran Awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian merupakan kesalahan jenayah di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.
9. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.
10. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada bayaran berkaitan ini walaupun kerja dibuat atau tiada barang yang dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menjalankan amanah,


(AHMAD FAZRIL BIN RAMLI)

Setiausaha
b.p Yang Dipertua
Majlis Daerah Gerik

“PERAK SEJAHTERA 2030”